

SOALAN NO: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

TARIKH : 26 MAC 2018

SOALAN : 19

YB Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mempercepatkan hasil analisa makmal untuk sampel dadah yang dihantar oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) kepada Hospital Awam (General Hospital/GH) dari tempoh dua bulan kepada tempoh masa yang lebih singkat bagi meningkat kecekapan PDRM.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya mengeluarkan keputusan dalam masa 14 hari mengikut tempoh reman yang telah ditetapkan dalam Akta Penagih dan Pemulihan Dadah. Namun demikian, pada masa-masa tertentu tempoh ini tidak dapat dicapai kerana KKM perlu memberi keutamaan kepada kes-kes klinikal yang melibatkan nyawa pesakit yang juga memerlukan keputusan ujian yang cepat bagi perawatan pesakit.

Pada 20hb Oktober 2017, satu mesyuarat telah dijalankan antara pihak KKM dan agensi-agensi terlibat seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi mengatasi masalah ini. Antara langkah-langkah yang telah dikenalpasti dan akan diambil adalah seperti berikut:

- 1) Pihak PDRM akan mengenalpasti kes-kes berprioriti tinggi kepada KKM dan pihak KKM akan membuat ujian tersebut dalam masa yang ditetapkan;
- 2) Pihak AADK telah mengemukakan satu kertas kerja agar peruntukan khas diberi bagi keperluan perkhidmatan ujian pengesanan dadah kepada Jawatankuasa Penguatkuasaan Undang-undang; dan
- 3) Agensi-agensi yang terlibat perlu mempertimbangkan ‘outsourcing’ untuk ujian-ujian pengesanan dadah dalam air kencing memandangkan beban kerja yang kian meningkat dan juga kes-kes klinikal yang memerlukan perhatian segera di hospital awam KKM yang juga kian meningkat.